



# KOPERKASA

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

<https://www.koperkasa.com.my>

## NOTIS MAKLUMAN

### PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN ANGGOTA

Kepada,  
Semua Anggota yang dihormati

Untuk makluman semua anggota, berdasarkan kenyataan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia bahawa koperasi adalah tidak tertakluk kepada arahan Bank Negara Malaysia berhubung moratorium yang dikeluarkan sebelum ini namun semua koperasi digalakkan untuk turut memberi penangguhan bayaran balik pinjaman kepada anggota.

KOPERKASA sentiasa prihatin dan peka serta mengambil berat terhadap kebajikan semua anggotanya akibat daripada penularan wabak Covid-19. Justeru, Anggota Lembaga telah mengambil inisiatif untuk memberi bantuan dengan menawarkan **penangguhan bayaran balik pembiayaan (semua jenis pembiayaan) untuk tempoh dua (2) bulan kepada anggota yang layak**. Penangguhan ini tidak melibatkan perubahan potongan gaji anggota yang sedia ada. Sebaliknya, KOPERKASA akan membayar balik bayaran ansuran pembiayaan yang dibayar melalui potongan gaji bagi bulan April 2020 dan Mei 2020 kepada anggota yang meminjam dengan syarat anggota tidak mempunyai tunggakan bayaran balik selama tiga (3) bulan dan berstatus Current Member.

Anggota tidak perlu membuat permohonan untuk tujuan ini dan bayaran akan dikredit terus ke akaun bank anggota berdasarkan rekod dalam sistem KOPERKASA. Bayaran akan dibuat secara berperingkat seperti berikut:

- 1) Potongan gaji bulan April 2020 akan dibayar pada bulan Mei 2020
- 2) Potongan gaji bulan Mei 2020 akan dibayar pada bulan Jun 2020

Bagi memudahkan proses pembayaran, anggota diminta untuk mengemaskinikan maklumat berikut dan emel ke [general@koperkasa.com.my](mailto:general@koperkasa.com.my) dengan kadar segera.

Nama Anggota (*nama seperti dalam kad pengenalan*)  
No. Kad Pengenalan  
No. Anggota  
Nama Bank & No. Akaun  
No. Telefon Bimbit

Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha KOPERKASA melaksanakan tanggungjawab sosial bagi meringankan beban anggota khususnya anggota yang akan menyambut Perayaan Hari Raya dan Gawai Dayak pada tahun ini. Pihak kami berharap usaha ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban anggota KOPERKASA seluruh Sarawak terutamanya anggota dalam kalangan B40.

Bagi anggota yang tidak mahu menyertai pakej penangguhan bayaran balik yang ditawarkan boleh maklumkan dengan menghantar emel ke [general@koperkasa.com.my](mailto:general@koperkasa.com.my) selewat-lewatnya pada 30 April 2020. Sebarang pertanyaan boleh dihantar ke emel seperti di atas.

Sekian, harap maklum.

**"Kesetiaan Anggota, Keteguhan Koperasi"**

Pengurusan  
Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad

Tarikh: 5 April 2020